

# Agenda tersembunyi golongan pesong sejarah

Oleh Shaiful Bahri Saidin

**A**PA motif sebenar apabila ada pihak tertentu membangkitkan semula peranan Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA) di dalam perjuangan menuntut kemerdekaan? Apakah ada agenda tersembunyi di kalangan kaum tertentu apabila mengungkit semula pembinaan sebuah memorial dan tugu peringatan di tanah perkuburan Taman Peringatan Nilai sebagai penghargaan kepada pejuang MPAJA yang dianggap sebagai hero negara ketika pendudukan Jepun?

Apakah kerana pada tahun ini negara akan menyambut perayaan 50 tahun merdeka, golongan oportunistik ini yang bersandarkan kepada perpaduan dan antiperkauman ingin memperakui bahawa anggota MPAJA adalah hero negara dan wajar di panggil pejuang kemerdekaan?

Warga emas mungkin tidak gerun mendengar perkataan MPAJA tetapi mereka akan tersentak dan berbaur kemarahan apabila kita memperkatakan mengenai Bintang Tiga. Nama Bintang Tiga akan mengimbau kembali kenangan warga tua mengenai kezaliman komunis.

Mungkin generasi kini tidak merasai keperitan Bintang Tiga yang bermaharajalela di Tanah Melayu sebaik peninggalan Jepun. Mereka menyeksa dan membunuh setiap orang disyaki penyokong Jepun. Kemudian, perjuangan itu diteruskan oleh komunis yang berasakan merekalah yang patut mengisi kekosongan peninggalan Jepun.

Pejuang kemerdekaan mungkin ramai yang sudah tiada kini. Namun, bagi yang masih ada dan berasakan keperitannya, kekejaman komunis dan kerakusan mereka merampas kuasa dengan senjata menjadi bahan sejarah untuk selama-lamanya.

Ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Parti Komunis Malaya (PKM) bekerjasama dengan British untuk memerangi Jepun. PKM berjaya mempengaruhi British membebaskan semua tahanan politik yang berhaluan kiri.

Kerjasama antara PKM dan British

menghasilkan Sekolah Latihan Khas 101 di Singapura. Latihan yang diberi di sekolah berkenaan adalah dalam bentuk perang gerila. PKM yang membentuk MPAJA untuk berjuang ala gerila menentang Jepun. Selepas berjaya mengusir tentera Jepun, satu konflik timbul disebabkan polisi tentera British yang sebenarnya antikomunis.

MPAJA atau Bintang Tiga mendakwa British berjanji untuk menyerahkan negara ini kepada mereka kerana menyokong British tetapi apabila janji ini tidak ditunaikan, gerila MPAJA memberontak dan mengganas dengan membunuh ramai orang yang dianggap bersekongkol dengan Jepun yang kebanyakannya orang Melayu.

Menurut ahli akademik, Cheah Boon Kheng dalam buku *Red Star Over Malaysia*, konflik perkauman itu mencapai kemuncaknya ketika dan selepas kekosongan kuasa (interregnum) dari 15 Ogos hingga 3 September 1945 berikutan pengunduran tentera Jepun.

Ketika tentera Jepun berundur ke bandar utama, gerila Cina yang dipimpin oleh pergerakan yang diterajui oleh Komunis iaitu MPAJA, keluar dari hutan dan menguasai 70 peratus kampung dan pekan.

Mereka membalas dendam terhadap individu yang didakwa bersubahat dengan Jepun terutama pegawai Melayu, polis dan ketua kampung sehingga mewujudkan suasana kezaliman.

Penentangan itu menjadi satu tanda penting permulaan sejarah pembinaan Malaya sebagai satu negara bangsa. Pergaduhan terhenti seketika dengan perwujudan semula undang-undang dan peraturan oleh tentera British pada September 1945 tetapi kemudian ketegangan kembali meningkat sehingga Mac 1946.

Bagaimanapun, ia tiba-tiba terhenti apabila orang Melayu mula memberi tumpuan untuk penentangan rancangan British menubuhkan Malayan Union yang bertujuan menghapuskan penguasaan politik Melayu dan memberi hak kerakyatan buat kali pertama kepada bukan Melayu di Malaya.

Cheah berkata, "konflik antara kaum memberikan kemenangan yang jelas kepada orang Melayu. Mereka berjaya menentang dan mengalahkan gerakan komunis bersenjata dan menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu".

Kepemimpinan Melayu tidak menjadi sombong dan bongkak apabila British bersejajut mewujudkan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.

Sekalipun Umno sejak itu berslogankan 'Umno adalah Melayu dan Melayu adalah Umno' tetapi Umno tidak dibawa oleh arus sentimen perkauman yang sempit.

Umno menolak konsep Pas yang menentang perkongsian kuasa dengan bukan Melayu. Sindiran paling tajam oleh pemimpin Pas, Dr Burhaniddin Hilmi pada awal tahun 60-an terhadap dasar baik-baik dengan bukan Melayu ialah 'ayam di kepuk mati kelaparan, kera hutan disusui'.

Pas menganggap kemerdekaan Malaya yang diberikan oleh British di atas dulang emas (tanpa pertumpahan darah) sebagai kosong kerana masih mengekalkan pangkalan tentera British dan sistem pemerintahan dan perlembagaan ala British.

Bagai tidak mahu mengakui hakikat dan kebenaran fakta, golongan yang buta sejarah mula mengungkitkan kembali semarak perkauman dengan digambarkan bahawa orang Melayu seperti menidakan peranan bukan Melayu dalam perjuangan menentang penjajah Jepun dan British seperti MPAJA.

Dengan bangganya mereka mengagungkan perjuangan MPAJA ketika Perang Dunia Kedua dan selepasnya sedangkan mereka begitu susah sekali untuk mengakui hakikat bahawa MPAJA itu adalah komunis.

Kumpulan ini sebenarnya sudah tiada modal untuk berpolitik dan berjuang kononnya berpaksikan sambutan 50 tahun merdeka dengan memperingati perjuangan MPAJA yang dibuktikan sejarahnya adalah komrad dan anggota perisik Parti Komunis Malaya (PKM).

Kononnya perjuangan kemerdekaan se-

belum ini adalah berlandaskan perkauman iaitu hanya orang Melayu yang mendabik dada merekalah pejuang kemerdekaan. Oleh itu golongan buta sejarah ini mengambil perjuangan MPAJA juga adalah pejuang kemerdekaan dan layak dihargai dan disanjung.

Golongan seperti ini sebenarnya perosak minda bangsa dan generasi muda dan menafikan fakta sejarah. Mereka seperti sudah hilang akal dengan mengagungkan perjuangan komunis dalam agenda perjuangan politik masa kini dan memutar belitkan fakta sejarah.

Sempena 50 tahun kita merdeka, mereka memperjuangkan kononnya merekalah golongan yang memartabatkan perpaduan nasional sedangkan slogan mereka 'henti main sentimen perkauman untuk kepentingan politik' yang kononnya ditujukan kepada kerajaan, sebenarnya mereka tujuan kepada diri mereka sendiri yang memprovokasi isu perkauman dengan melaga-lagakan rakyat di negara ini.

Topik ini cukup panas ketika ini dalam akhbar bahasa Cina, laman web dan blog yang mirip dan gemar membangkang kerajaan. Mereka seolah-olah tidak berpuas hati dengan sentimen orang Melayu saja yang berjuang, sedangkan mereka juga berperanan sama.

Kita tidak marah jika mereka mengagungkan pemimpin kemerdekaan negara dari parti MCA dan saudagar Cina kerana sejarah membuktikan MCA yang mewakili kaum Cina juga terbabit sama dengan aktif menuntut kemerdekaan negara.

Seperti sudah trend terkini, perdebatan dan pandangan secara terbuka sudah mula bergerak aktif di media cetak dan internet. Jika tidak dipandang serius perkara ini, ia lambat laun akan menyemarakkan isu perkauman antara Melayu dan bukan Melayu.

Mesti ada matlamat tertentu golongan ini mengungkitkan kembali kezaliman Bintang Tiga ketika negara menuju kemuncak sambutan 50 tahun merdeka. Yang amat dikesali, golongan tidak mendalami sejarah negara akan terpengaruh dakyah ini.